

# Shamsubahrin beri keterangan kepada SPRM

PUTRAJAYA 19 Mac - Ahli perniagaan, Datuk Shamsubahrin Ismail yang dituduh menipu pengarah Perbadanan Perbadanan Fildot Nasional (NFCorp), Datuk Seri Dr. Mohamad Salleh Ismail tampil memberi kenyataan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini, hari ini.

Beliau yang tiba pada pukul 11 pagi diiringi empat peguam diketuai oleh Latheefa Koya.

Shamsubahrin yang hadir memberi keterangan buat kali kedua berada di dalam bangunan SPRM hampir enam jam sebagai saksi berkaitan kesnya dan Mohamad Salleh.



**SHAMSUBAHRIN**

Bercakap kepada pemberita, beliau berkata, siasatan tertumpu kepada kandungan khidmat pesanan ringkas (SMS) antara beliau dan Pengarah NFCorp itu.

“Keterangan yang diambil hari ini ialah berkaitan 50 SMS antara saya dan Mohamad Salleh.

“Ketika mereka tahan saya (kali pertama) mereka ambil telefon saya dan sebelum itu semua SMS telah disalin dalam e-mel serta disimpan dengan elo,” katanya.

Menurut Shamsubahrin, semua keterangan telah diberi kepada SPRM dan terpulung kepada suruhanjaya itu untuk mengambil tindakan seterusnya.

Sementara itu, Shamsubahrin terkejut apabila mendapati cermin belakang sebelah kiri salah sebuah kereta miliknya yang disita di ibu pejabat SPRM di sini pecah.